

1. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan bentuk pemilikan perniagaan.

Alia merupakan seorang penjual nasi lemak di Kawasan perumahan Permata. Beliau menguruskan perniagaan secara bersendirian. Masa operasi bermula dari 7 pagi sehingga jualannya habis. Kebanyakan pelanggannya terdiri daripada penduduk kawasan tersebut.

- (i) Jelaskan jenis pemilikan perniagaan tersebut? (2 markah)
- (ii) Mengapakah jenis pemilikan di 1(a) (i) popular. (4 markah)

- (b) Gambar 1 menunjukkan sejenis perniagaan.




Gambar 1

Klasifikasikan perniagaan tersebut dari aspek saiz dan sektor. (4 markah)

2. (a) Jelaskan peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam perniagaan. (4 markah)

- (b) Rajah 1 menunjukkan harga minyak kelapa sawit per tan bagi tempoh tiga tahun.



Jelaskan peranan kerajaan dalam menangani masalah pada Rajah 1. (6 markah)

3. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah organisasi

Syarikat Hi-QF Sdn Bhd merupakan pengeluar perabot kualiti tinggi berjenama I-Q yang baru ditubuhkan dengan modal berbayar syarikat sebanyak RM65 juta. Syarikat mempunyai sebuah kilang dengan bilangan pekerja seramai 50 orang dan ingin berkecimpung dalam pengeluaran perabot berasaskan kayu yang berkualiti tinggi. Encik Aman merupakan pengurus besar syarikat memberitahu para pemegang saham bahawa syarikat berhasrat untuk menjadi pengeluar perabot berasaskan kayu yang terunggul di rantau ASEAN dalam tempoh 4 tahun. Syarikat akan meningkatkan volium pengeluaran yang mampu menembusi pasaran antarabangsa pada tahun hadapan.

Terangkan tujuan penubuhan visi, misi dan objektif bagi Syarikat Hi-QF. (4 markah)

- (b) Gambar 2 menunjukkan contoh peralatan teknologi maklumat dan komunikasi.



Gambar 2

Jelaskan tujuan penggunaan peralatan tersebut dalam perniagaan. (6 markah)

4. (a) Pengurusan sumber manusia dalam sesebuah perniagaan mempunyai peranan yang tertentu. Jelaskan peranan yang berikut:
- (i) Membentuk persekitaran kerja (3 markah)
 - (ii) Menggalakkan kreativiti dan inovasi (3 markah)
- (b) Gambar 3 menunjukkan contoh suatu produk.



Gambar 3

Terangkan dua elemen campuran pemasaran bagi memasarkan produk berkenaan.

(4 markah)

- 5 (a) Huraikan dua prosedur mengurus sumber fizikal dalam operasi sesebuah perniagaan. (6 markah)
- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan jenis pembiayaan

Syarikat Percetakan Global menghadapi masalah kekurangan tiga buah mesin yang bernilai RM 75 000 untuk menyiapkan cetakan majalah dengan segera. Pihak syarikat mempertimbangkan untuk membeli mesin tersebut secara tunai atau memajak daripada syarikat pajakan.

Apakah jenis pembiayaan yang sesuai dipilih syarikat berikut?

Berikan alasan pemilihan pembiayaan yang di pilih.

(4 markah)

6 (a) Terangkan kepentingan penyata kewangan berikut terhadap operasi kewangan sesebuah perniagaan.

(i) Penyata pendapatan (4 markah)

(ii) Kunci Kira- kira (2 markah)

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan seorang usahawan.

Muzaffar seorang graduan dalam bidang perakaunan. Beliau ditawarkan bekerja di Mega Trading Holding selaku akauntan dengan gaji asas RM5 500 namun beliau memilih untuk membuka perniagaan restoran makanan tradisional di Bandar Baru Uda.

Jelaskan kelebihan yang diperolehi Muzaffar selaku seorang peniaga berbanding makan gaji. (4 markah)

Bahagian B

[30 markah]

*Jawab mana – mana **dua** soalan daripada bahagian ini.*

7. Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Syarikat Glassware Sdn Bhd.

Syarikat Glassware Sdn Bhd merupakan sebuah perniagaan yang menumpukan kepada pengeluaran peralatan dan perkakasan rumah yang baru sahaja ditubuhkan. Dengan jumlah sumber manusia mencecah 80 orang, syarikat ini yakin dapat terus bersaing dengan pengeluar sedia ada bagi menawarkan produk yang dapat memenuhi cita rasa pelanggan

- (i) Jelaskan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh pengurusan syarikat setelah memperoleh Sijil Pendaftaran. (4 markah)
- (ii) Huraikan **dua** aspek pengelolaan sumber manusia dalam pembangunan perniagaan yang mampan. (6 markah)
- (iii) Setujukah anda bahawa faktor dalaman amat penting dalam perubahan kepada persekitaran perniagaan. Beri alasan kepada pendapat anda. (5 markah)

8. Gambar berikut menunjukkan dua jenis pemilikan perniagaan.



Gambar 4



Gambar 5

- (i) Bandingkan prosedur penubuhan bagi perniagaan dalam Gambar 4 dan Gambar 5 di atas.
(6 markah)
- (ii) Huraikan perkaitan kedua-dua perniagaan berkenaan dengan organisasi luar.
(4 markah)
- (iii) Walaupun mempunyai saiz dan skala perniagaan yang berbeza, kedua-dua perniagaan tersebut memiliki beberapa bahagian fungsian yang sama. Jelaskan pernyataan ini.
(5 markah)

9 . Maklumat berikut berkaitan Perniagaan Daya Maju Sdn Bhd

Perniagaan Daya Maju Sdn Bhd merupakan syarikat milikan Bumiputera yang mengusahakan produk makanan sejuk beku. Dalam mencapai visi untuk meneroka pasaran halal di Taiwan, Lembaga Pengarah bersetuju untuk memohon modal tambahan sebanyak RM15 juta dari MARA.

- (i) Huraikan prosedur yang perlu dipatuhi oleh Perniagaan Daya Maju Sdn Bhd untuk memohon pinjaman dari MARA . (6 markah)

- (ii) Terangkan peranan dua bahagian fungsian yang terlibat dalam dalam pembangunan produk dan pasaran baharu . (4 markah)

- (iii) Bincangkan dua faktor yang mempengaruhi keperluan perniagaan untuk mengubah visi, misi dan objektif perniagaan. (5 markah)

Bahagian C

[20 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

10. Butik Chantek dimiliki oleh Puan Chin dan Puan Wanie. Butik ini menawarkan pelbagai koleksi pakaian yang menarik dan terkini yang beroperasi di Mersing . Bagi melancarkan urusan perniagaan, Pn Chin menguruskan bahagian kewangan dan jualan sementara Pn Wanie menguruskan pembelian dan pengeluaran. Seorang pengurus diambil bagi menguruskan sumber manusia dan pemasaran bagi perniagaan tersebut. Selain itu, terdapat 6 orang pekerja yang berpengalaman dalam bidang jahitan dan fesyen . Selain itu, butik ini juga turut menerima tempahan menjahit pelbagai jenis pakaian. Koleksi hasil rekaan pekerja di butik ini mendapat sambutan pelanggan di sekitar Johor

Bahagian fungsian pengeluaran sangat teliti dalam membuat pemilihan fabrik dan sentiasa memantau hasil kerja para pekerja mereka. Ini bagi memastikan koleksi di Butik Chantek akan sentiasa menjadi pilihan para pelanggannya. Bagi memastikan rekaan fesyen keluaran Butik Chantek tidak dieksploitasi atau ditiru sewenang-wenangnya, Pn Chin dan Pn Wanie telah mendaftar rekaan mereka dengan MyIPO.



Memandangkan permintaan terhadap koleksi pakaian dan tempahan pakaian di Butik Chantek semakin meningkat, Pihak pengurusan memerlukan tambahan modal dan pekerja bagi memastikan tempahan dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Pn Chin dan Pn Wanie bersetuju untuk mendapatkan bantuan daripada kerajaan dalam aspek pembiayaan bagi menmpung kos operasi yang semakin bertambah.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan – soalan berikut:

- (a) Terangkan kelebihan pemilikan perniagaan Butik Chantek. (5 markah)
- (b) Gambarkan struktur organisasi yang sesuai bagi Butik Chantek (5 markah)
- (c) Jelaskan tujuan mengurus sumber teknologi dalam operasi perniagaan. (4 markah)
- (d) Selain daripada menawarkan pembiayaan, bincangkan dua peranan kerajaan dalam membantu usahawan tempatan. (6 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT